

Kabin pengeringan tambah pendapatan nelayan Kuala Kemaman

Kosmo!

21 December 2018

KOSMO! JUMAAT 21 DISEMBER 2018

Niaga!

PERTUKARAN MATA WANG ASING

£ \$ € ¥ Rp ₪

DOLAR AM
DOLAR SI

Kirimkan maklumat dan maklum balas kepada: ek

Kabin pengeringan tambah pendapatan nelayan Kuala Kemaman

KEMAMAN – Pendapatan golongan nelayan di Kuala Kemaman, di sini dijangka meningkat dari RM400 kepada RM1,200 sebulan menerusi sumbangan kabin pengeringan serbaguna bernilai RM310,000 daripada Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd. (TPM).

Eksekutif Kanan Pembangunan Perniagaan dan Perkhidmatan Korporat TPM, Syed Mohd. Faiz

Syed Nokman berkata, kabin tersebut mempercepatkan proses pengeringan ikan bilis dan ikan kering kepada tiga jam berbanding lebih 24 jam menggunakan kaedah tradisional.

"Ia mampu mengeringkan 500 kilogram hasil laut dalam satu-satu masa selain menjamin kebersihan produk tanpa pence-



MOHD. FAIDZ

maran debu, habuk dan ancaman penyakit bawaan serangga," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan peralatan tersebut kepada Pen-

gurus Besar PNK Kuala Kemaman, Norazila Ismail di sini baru-baru ini.

Sementara itu, Norazila berkata, PNK Kuala Kemaman bercadang untuk

menempatkan kabin itu di Jeti Kompleks LKIM Kuala Kemaman.

"Selain golongan nelayan, kami juga akan mengesyorkan kegunaannya kepada pengusaha keropok keping di sekitar daerah ini bagi manfaat bersama.

"Caj berpatutan antara 40 sen hingga 80 sen sekilogram mungkin dikenakan untuk perkhidmatan pengeringan tersebut," katanya.